



# SIARAN MEDIA

## *Media Release*

**INDEKS HARGA PENGGUNA**  
*Consumer Price Index*  
(Jan 2015=100)

**SEPTEMBER 2023**



# INDEKS HARGA PENGGUNA

# SEPTEMBER 2023

## Tahun-ke-Tahun

Sep 23

Sep 22

**0.7%**


## Bulan-ke-Bulan

Sep 23

Ogos 23

**0.3%**

## Tahun-ke-Tahun



## Bulan-ke-Bulan



## Tahun Asas (Jan 2015=100)



Bakul barang dan perkhidmatan IHP yang bernilai **BND100.00** pada bulan **Januari 2015** kini bernilai **BND106.71** pada bulan **September 2023**

## Penyumbang Utama

### Tahun-ke-Tahun

#### Makanan dan Minuman Ringan

**1.9%**

#### Minuman Ringan



#### Makanan



#### Bukan Makanan

**1.3%**

#### Pengangkutan



#### Perhubungan



## Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada tempoh yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA**  
**SEPTEMBER 2023**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**TAJUK UTAMA:**

**INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) TAHUN-KE-TAHUN MENUNJUKKAN PENURUNAN SEBANYAK 0.7 PERATUS BAGI BULAN SEPTEMBER 2023**

1. Bagi bulan September 2023, Indeks Harga Pengguna (IHP) tahun-ke-tahun menunjukkan penurunan sebanyak 0.7 peratus berbanding dengan bulan September 2022. Penurunan ini adalah didorong oleh penurunan harga Bukan Makanan sebanyak 1.3 peratus. Manakala, harga Makanan dan Minuman Ringan pula menunjukkan peningkatan sebanyak 1.9 peratus.
2. Penurunan tahun-ke-tahun bagi harga Bukan Makanan adalah disebabkan oleh penurunan harga Pengangkutan (5.7 peratus), selaras dengan penurunan harga tiket penerbangan; dan Perhubungan (4.0 peratus), khususnya harga perkhidmatan telefon dan telefaks, selaras dengan tawaran baru bagi pelan perkhidmatan internet.
3. Manakala, peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga Minuman Ringan (10.9 peratus), khususnya harga minuman rendah gula; Susu, Produk Tenusu dan Telur (3.2 peratus), disebabkan oleh peningkatan harga susu segar; dan Beras dan Bijirin (3.1 peratus), terutamanya didorong oleh peningkatan harga bahan-bahan mentah seperti gandum.
4. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP juga menunjukkan penurunan sebanyak 0.3 peratus didorong oleh penurunan harga Bukan Makanan sebanyak 0.5 peratus. Manakala, harga Makanan dan Minuman Ringan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus.
5. Penurunan bulan-ke-bulan bagi harga Bukan Makanan adalah disumbangkan oleh Perhubungan (2.4 peratus); Pengangkutan (1.5 peratus); dan Pelbagai Barang dan Perkhidmatan (0.1 peratus). Manakala, peningkatan bagi harga Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga Minuman Ringan (1.5 peratus); Susu, Produk Tenusu dan Telur (0.6 peratus); dan Daging (0.4 peratus).
6. IHP mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan September 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



# CONSUMER PRICE INDEX

# SEPTEMBER 2023

## Year-on-Year

Sep 23  
Sep 22  
 0.7%


## Month-on-Month

Sep 23  
Aug 23  
 0.3%

## Year-on-Year



## Month-on-Month



## Base Year (Jan 2015=100)



The same CPI basket of goods and services worth **BND100.00** in **January 2015** is now worth **BND106.71** in **September 2023**

## Main Contributors

### Year-on-Year

Food and Non-Alcoholic Beverages

1.9%

### Non-Alcoholic Beverages



### Food



### Non-Food

1.3%

### Transport



### Communication

4.0%

## Notes

- CPI measures the average change of prices of a fixed basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Month-on-month means to compare prices with the previous month.
- Year-on-year means to compare prices with the same month in the previous year.



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**CONSUMER PRICE INDEX**  
**SEPTEMBER 2023**  
**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**MAIN HEADLINE:**

**CONSUMER PRICE INDEX (CPI) RECORDED A YEAR-ON-YEAR DECREASE OF 0.7 PER CENT IN SEPTEMBER 2023**

1. *In September 2023, the Consumer Price Index (CPI) recorded a year-on-year decrease of 0.7 per cent compared to September 2022. The decline was driven by a 1.3 per cent decrease in Non-Food prices. Meanwhile, Food and Non-Alcoholic Beverages prices recorded an increase of 1.9 per cent.*
2. *The year-on-year decrease in Non-Food prices was due to a fall in the prices of Transport (5.7 per cent), in line with the decrease in air fares prices; and Communication (4.0 per cent), particularly telephone and telefax services prices, driven by upgraded internet service plans.*
3. *Meanwhile, an increase in Food and Non-Alcoholic Beverages was mainly due to the rise in the prices of Non-Alcoholic Beverages (10.9 per cent), particularly low sugar drinks; Milk, Dairy Products and Eggs (3.2 per cent), caused by the rise in the price of fresh milk; and Rice and Cereals (3.1 per cent), mainly driven by an increase in raw materials prices such as wheat.*
4. *For month-on-month changes, the CPI also showed a decrease of 0.3 per cent, attributed to a 0.5 per cent decrease in Non-Food prices. Meanwhile, Food and Non-Alcoholic Beverages prices recorded an increase of 0.2 per cent.*
5. *The month-on-month decrease in Non-Food prices was contributed by the prices of Communication (2.4 per cent); Transport (1.5 per cent); and Miscellaneous Goods and Services (0.1 per cent). Meanwhile, the increase in Food and Non-Alcoholic Beverages prices was mainly contributed by the rise in the prices of Non-Alcoholic Beverages (1.5 per cent); Milk, Dairy Products, and Eggs (0.6 per cent); and Meat (0.4 per cent).*
6. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for September 2023 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*